



KENYATAAN AKHBAR

**Untuk Siaran Segera
21 November 2021**

MAJLIS PELANCARAN WAKAF ASNB DI MINGGU SAHAM DIGITAL

Pelabur ASNB kini boleh mewakafkan unit amanah untuk manfaat awam

KUALA LUMPUR, 21 November 2021 – Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), telah melancarkan perkhidmatan baharu iaitu Wakaf ASNB yang disempurnakan oleh Pengerusi Kumpulan PNB, Tun Arifin Zakaria bersempena Minggu Saham Digital 2021 (MSD 2021).

Wakaf ASNB, yang mula ditawarkan pada 25 Oktober lalu, membuka peluang kepada para pelabur untuk melaksanakan amal kebajikan menerusi dana unit amanah ASNB mereka. Unit amanah yang diwakafkan oleh pelabur akan dikekalkan sebagai pelaburan pokok bagi menjana pulangan tahunan. Pulangan daripada pelaburan pokok tersebut kemudiannya akan disalurkan kepada projek-projek berkepentingan awam pada setiap tahun, dan ianya berterusan walaupun setelah pelabur meninggal dunia.

Pengerusi Kumpulan PNB, Tun Arifin Zakaria berkata, “ASNB adalah syarikat pengurusan unit amanah yang pertama dilantik sebagai *mutawalli* oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). Dengan pelantikan ini, ASNB memikul amanah untuk menguruskan dana wakaf ini sepenuhnya dengan tahap tadbir urus yang tinggi dan profesional untuk kepentingan ummah dan masyarakat.”

“Pulangan pelaburan yang dijana daripada dana wakaf akan disalurkan ke projek-projek wakaf dalam sektor kesihatan, pendidikan, pembangunan komuniti dan misi kemanusiaan. Penelitian projek yang sesuai perlu melalui proses penilaian dan pemilihan secara kolektif oleh Jawatankuasa Pengagihan Wakaf Bersama ASNB-MAIWP”.

Jawatankuasa tersebut, yang terdiri daripada pentadbir aset wakaf iaitu ASNB Wakalah Sdn. Bhd. (AWSB), MAIWP dan ahli bebas, juga berperanan sebagai penasihat bagi urusan berkaitan isu-isu hukum seperti kepatuhan syariah, polisi, program dan urus tadbir dana wakaf.

Menurut Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Ahmad Zulqarnain Onn, "PNB menyokong usaha memperkasakan industri wakaf di Malaysia dengan menawarkan Wakaf ASNB sebagai satu inovasi baharu kepada rakyat Malaysia."

"Sepanjang MSD 2021, PNB menawarkan pelbagai program berkaitan pelaburan dan perancangan kewangan termasuklah pengurusan kewangan Islam seperti perancangan harta pusaka melalui Hibah Amanah dan Pengisytiharan Amanah, zakat dan wakaf," tambah beliau.

Pelancaran Wakaf ASNB telah disusuli dengan sebuah forum bertajuk "**Wakaf – Faedah yang Berkekalan**" yang menampilkan dua ahli panel iaitu Prof. Madya Dato' Dr. Izhar Ariff Mohd Kashim dan Prof. Madya Dr. Sharifah Hayaati Syed Ismail, bersama moderator Ustaz Mohd Hariri Haji Mohamad Daud. Selain itu, ASNB juga menampilkan segmen wakaf dalam program **ASNB Whoa! Shop** yang akan disiarkan menerusi [Facebook](#) dan [YouTube MSD](#) pada 22 November 2021, pukul 2 petang. Dalam rancangan tersebut 100 pemenang bertuah berpeluang memenangi 100 unit percuma untuk ditambah ke dalam dana wakaf.

- TAMAT -

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.pnb.com.my.

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 32 pejabat cawangan dan lebih 2,700 cawangan ejen seluruh negara. ASNB kini mengurus 16 dana unit amanah dengan unit dalam edaran (UIC) melebihi 270 bilion dan lebih 14 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.asnb.com.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03-7730 8899.

Wakaf ASNB

Wakaf ASNB adalah platform untuk pemegang unit mewakafkan pelaburan unit amanah ASNB mereka melalui gabungan konsep pelaburan dan wakaf. Dana wakaf ASNB akan kekal sebagai pelaburan pokok dan hanya pulangan hasil daripada pelaburan ini akan disalurkan ke projek wakaf berkepentingan negara yang dikenal pasti untuk pembangunan masyarakat dan ummah.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

1. Aimi Aziz, Ketua, Jabatan Komunikasi PNB | aimiaziz@pnb.com.my | 019-221 7007
2. Nurman Mohd Nawi, Ketua, Jabatan Pemasaran dan Publisiti ASNB | nurman_mn@pnb.com.my | 012-501 2485